

**YBHG TUAN SYEIKH ALI BIN MOHAMED ISA
-MANTAN DEKAN KULLIYYAH BAHASA ARAB**

SESI TEMUBUAL PADA – 27 MAC 2018

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg Tuan Syeikh, saya Muhammad Lukman Bin Harun, Pustakawan Kanan UniSHAMS ingin menemubual YBhg Tuan untuk pengisian bahan di dalam Galeri.

Terima kasih kerana sudi menemubual saya.

- S. *Berapa lamakah YBhg Tuan berkhidmat di INSANIAH.*
- J. **Sejarah bagaimana saya dapat berkhidmat di Institut Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (INSANIAH), saya memulakan perkhidmatan di sebagai Pustakawan. Saya mula melapur diri pada 01 Jun 1996 dan tamat kontrak perkhidmatan pada 31 Disember 2017 menjadikan tempoh saya berkhidmat dengan INSANIAH/KUIN selama 21 tahun 6 bulan. Saya mula bertugas di INSANIAH pada 01 Jun 1996.**

Ketika bertugas sebagai Pensyarah di Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang, saya dan seorang kawan En Suffian dari Universiti Malaya telah melakukan lawatan kerja ketika INSANIAH mula ditubuhkan pada tahun 1995. Di samping dapat menziarahi Profesor Emeritus Dato' Wira Dr. Haji Othman Haji Ishak, Pengarah dan Tuan Syeikh Abdul Razak Bin Mohd. Yusoff, Pendaftar yang merupakan rakan baik dari Universiti Al-Azhar. Semasa pertemuan tersebut, Pendaftar meminta saya memberi pertimbangan untuk berkhidmat di INSANIAH bagi membantu menguruskan sebuah institusi pengajian tinggi agama yang baru ditubuhkan.

Pendaftar menawarkan kepada saya supaya bekerja di INSANIAH. Setelah balik ke USM, Pendaftar USM memaklumkan bahawa kontrak perkhidmatan saya sebagai Pensyarah tidak disambung, saya telah bersara wajib dari USM pada tahun 1994. Oleh itu, saya telah memberi persetujuan kepada Pendaftar INSANIAH untuk bertugas di INSANIAH pada awal Jun 1996. Setelah itu, saya menerima surat tawaran sebagai Pegawai Perpustakaan yang bertanggungjawab menguruskan Perpustakaan INSANIAH. Di peringkat awal, saya dibantu oleh 3 orang Pembantu Perpustakaan. Untuk memastikan pengurusan perpustakaan dapat ditadbir dengan lebih baik, saya telah mengadakan lawatan kerja ke Perpustakaan USM dan UKM. Pegawai Perpustakaan UKM banyak memberi bantuan dalam penambahbaikan pengurusan Perpustakaan INSANIAH.

- S. *Sebagai Pustakawan yang pertama kemudiannya dilantik sebagai Dekan Kulliyyah Bahasa Arab serta ahli akademik dan turut terlibat semasa proses naik taraf INSANIAH kepada Kolej Universiti pada tahun 2006, apakah pandangan YBhg Tuan di atas kejayaan naiktaraf INSANIAH kepada Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah atau UniSHAMS?*
- J. **Ketika Pilihanraya Umum pada tahun 1999, Prof. Madya Dr. Haji Marzuki Bin Haji Mahmood, Dekan Kulliyyah Bahasa Arab dan Prof. Madya Dr. Abdullah Bin Ibrahim, Dekan Kulliyyah Syariah telah meletak jawatan sebagai Dekan. Oleh kerana Kulliyyah Bahasa Arab tiada pensyarah melayu. Prof. Madya Dr. Abdullah Bin Ibrahim telah mempertikaikan pelantikan saya sebagai Pustakawan kerana**

kelayakan saya sebagai pensyarah, pihak pentadbiran telah melantik saya sebagai Pensyarah di samping memangku jawatan Pustakawan. Prof. Dato' Dr. Othman Bin Ishak, Pengarah telah bersetuju melantik saya sebagai Dekan Kulliyyah Bahasa Arab dan Syeikh Mohd. Dzahir Bin Othman sebagai Dekan Kulliyyah Syariah. Apabila Prof. Dato' Dr. Othman Ishak meletak jawatan sebagai Pengarah untuk bertanding di DUN Jitra semasa PRU 1999, pihak Kerajaan Negeri telah melantik Prof. Madya Dr. Haji Marzuki Bin Haji Mahmood sebagai Pengarah.

Semasa lawatan kerja Prof. Dr. Ahmad Umar Hashim, Rektor Universiti Al-Azhar ke INSANIAH beliau telah meminta supaya semua Dekan Kulliyyah dilantik dalam kalangan pensyarah-pensyarah dari Universiti Al-Azhar. Oleh itu, tempoh saya menjadi Dekan Kulliyyah Bahasa Arab selama 1 tahun 6 bulan dan kembali menjadi pensyarah biasa.

Ketika Prof. Dato' Dr. Jamil Osman menjadi Rektor, beliau telah menamatkan perkhidmatan Dr. Usamah sebagai Dekan Kulliyyah Bahasa Arab dan diganti oleh Dr. Muhammad Bakhir Bin Abdullah. Bagaimanapun, apabila Prof. Dr. Mohd. Yusof Bin Kasim menjadi Rektor, beliau menggantikan semua Dekan yang berbangsa Arab dengan tenaga akademik Melayu.

Saya telah dilantik menjadi Dekan semula selama 3 tahun menjadikan perkhidmatan saya sebagai Dekan selama 4 tahun 6 bulan. Pada akhir 2016, Dekan Kulliyyah Bahasa Arab disandang oleh Dr. Abdul Ghani Bin Md. Din.

- S. *Pernakah YBhg Tuan terfikir bahawa INSANIAH akan dinaik taraf kepada universiti penuh seperti sekarang?*
- J. **Perkara yang sangat patut naik taraf universiti memandangkan kepada perkara-perkara yang dilakukan adalah bertaraf universiti. Program-program pengajian yang ditawarkan dan aktiviti yang dijalankan juga bertaraf universiti. Oleh itu, memang layak dan patut dinaikkan taraf universiti. Saya sangat menyokong dan berasa gembira setelah lebih 20 tahun beroperasi.**
- S. *Secara jujurnya, pada pandangan YBhg Tuan adakah UniSHAMS mampu bersaing dan bergerak setanding dengan IPTS lain?*

Dengan kakitangan akademik sedia ada bertaraf universiti memang mampu bersaing dengan IPTS lain seperti Unisas, Terengganu dan Pahang. Program KUIN memang bertaraf dunia dan sangat sesuai.

- S. *Dari pengalaman YBhg Tuan, apakah faktor yang menyebabkan pelajar memilih INSANIAH untuk melanjutkan pengajian?*
- J. **Faktor pelajar pilih INSANIAH sebab menawarkan pengajian Islam, IPT yang tawar pengajian Islam ialah UIA, UKM yang ketiga baru UM, cara UM kendali Pengajian Islam kepada pelajar-pelajar yang ingin mendalami Pengajian Islam dan Bahasa Arab saya melihat INSANIAH lebih ke hadapan.**

Sukar untuk pelajar dapat masuk UIA dan pilihan kedua mereka ialah INSANIAH. Kursus-kursus yang diajar di dalam Bahasa Arab 100%. Sekarang ada sedikit kemerosotan bukan sebab faktor kakitangan akademik dan program pengajian tetapi sebab dari keluarga yang kurang berkemampuan. Pelajar antarabangsa tidak mampu sebab kos visa yang tinggi.

Pada tahun 2013, ramai pelajar dari Negara China dan Selatan Thailand tidak dapat menyambung pengajian di KUIN disebabkan oleh kos visa yang tinggi dan keluarga mereka tidak mampu untuk membayai. Di samping itu, penubuhan beberapa universiti di Selatan Thailand serta Kerajaan Negara China yang memperketatkan polisi luarnegara mereka.

- S. *Pada pendapat YBhg Tuan, apakah tindakan atau strategi pemasaran yang perlu diambil oleh UniSHAMS bagi melonjakkan peningkatan jumlah pelajar yang diperlukan oleh sebuah universiti?*
- J. **Pada pandangan saya, kerja promosi buat masa sekarang, sekiranya tidak keluar belanja banyak agak sukar. Kos pengajian dan yuran perlu cari jalan promosi yang dapat sambutan daripada pelajar asing.**
- S. *Apakah harapan YBhg Tuan sebagai ahli akademik kepada UniSHAMS dan juga nasihat kepada graduan yang tamat pengajian dari UniSHAMS?*
- J. **Saya berkhidmat lama dan berkawan dengan semua golongan dan terlibat dalam berbagai aktiviti dan sangat berdedikasi. Pihak pengurusan patut mengorak langkah untuk membantu mereka supaya kembali bersemangat untuk menjalankan tugas masing-masing. Suasana kampus yang sesuai dan selesa. Tambah imbuhan kepada kakitangan sedia ada yang berstatus kontrak dilantik tetap sebagai insentif.**
- S. *Apakah kata-kata nasihat atau pemberi semangat daripada YBhg Tuan kepada semua warga UniSHAMS khususnya mahasiswa dan mahasiswi?*
- J. **Daripada saya sebagai pensyarah dan Dekan, pelajar Kulliyyah Bahasa Arab memang betul-betul berusaha untuk menimba ilmu. Ajar Bahasa Arab kepada Kulliyyah Syariah dan Kulliyyah Usuluddin, pelajar bersemangat untuk belajar.**
- Saya bukan hanya mengajar kepada pelajar Kulliyyah Bahasa Arab sahaja, tetapi turut mengajar pelajar Kulliyyah Usuluddin dan Kulliyyah Syariah. Oleh itu, boleh dikatakan hubungan saya dengan semua pelajar kumpulan awal adalah rapat. Jika ingin menjadi graduan kebolehpasaran kena tekun dan mendalami Bahasa Arab, menguasai Bahasa Arab untuk berjaya. Pelajar UniSHAMS yang berkebolehan dalam Bahasa Arab sangat kompeten dan berkualiti setelah graduat dari UniSHAMS.**
- S. *Bolehkah YBhg Tuan kongsikan kenangan manis sepanjang berkhidmat di INSANIAH.*
- J. **Selama 21 tahun berkhidmat, terlalu banyak kenangan manis kerana di peringkat awal bertugas di INSANIAH, staf sangat bekerjasama, sangat rapat dan anggap staf sebagai keluarga. Bila semakin besar keakraban semakin kurang. UniSHAMS perlu adakan program untuk akrabkan semula kalangan staf.**
- S. *Besarlah harapan kami, Ahli Jawatankuasa Kerja Galeri UniSHAMS sekiranya YBhg Tuan sudi menyumbang apa-apa dokumen, foto, artifak atau apa sahaja yang berkaitan dengan INSANIAH untuk diabadikan di dalam Galeri UniSHAMS.*
- J. **Insha Allah, saya akan berusaha mencari dan sumbangkan kepada Galeri UniSHAMS.**